

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini isu kewangan Tabung Haji dan pelan penyelarasan pemulihan reputasi Tabung Haji.

JAWAPAN : **(MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tertinggi Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah mengambil langkah sewajarnya melalui pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan **TH**. Kedudukan kewangan terkini Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah stabil dan telah mencatatkan prestasi yang mampan pada suku pertama 2019, hasil daripada kejayaan proses penstrukturan dan pemulihan yang dilaksanakan pada akhir Disember 2018.

Pada sukuk pertama 2019, **TH** telah memperoleh pendapatan berjumlah RM623 juta dan mencatat keuntungan bersih RM440 juta. Pendapatan **TH** akan terus meningkat mulai suku kedua dengan penerbitan sukuk oleh SPV akan memberi pulangan hampir RM800 juta setahun dan pelaksanaan proses pelarasan pelaburan baharu.

Pihak **TH** telah mengambil langkah sewajarnya dengan merangka Teras Strategik **TH** untuk mendapat pulangan mampan dan stabil serta mengurangkan kos operasi **TH**. Teras Strategik ini juga dilaksanakan untuk memastikan mandat penubuhan institusi kebanggaan islam dapat terus memberi manfaat kepada umat islam seiring dengan konsep rahmatan lil alamin .

Bagi memastikan teras utama dan mandat **TH** berjaya dilaksanakan, fokus utama terhadap perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:

- 1) Pengurusan kos yang berdisiplin;
- 2) Penjanaan pendapatan yang mampan;
- 3) Pengurusan yang berkhemat;
- 4) Perkhidmatan yang cemerlang; dan
- 5) Pemacuan sinergi dalam kalangan perniagaan kumpulan **TH**.

InshaAllah, dengan tadbir urus yang baik, telus dan usaha penstrukturan Teras strategik **TH** berjalan lancar, tidak mustahil institusi kebanggaan umat islam ini akan menjadi pedoman dan menjadi model ikutan di serata dunia.

Sekian. Terima kasih.